

Perubahan Leksis Kata Pinjaman Cina Dalam Bahasa Melayu

Soo Yew Phong

Universiti Teknologi MARA
sooyewphong@melaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Peminjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu telah berlaku semenjak kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu atas faktor perdagangan, penjajahan Barat dan penghijrahan. Dengan adanya pertembungan budaya antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina, peminjaman bahasa turut berlaku di dalam pengguna kedua-dua bahasa atas keperluan menamakan pelbagai benda dan konsep baru yang masuk ke dalam kehidupan seharian mereka. Apabila peminjaman bahasa berlaku maka perubahan bahasa juga akan berlaku terutamanya dalam aspek leksis. Perubahan leksis meliputi perubahan dari segi morfologi dan semantik. Kajian ini meninjau perubahan leksis yang berlaku apabila kata pinjaman Cina diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Antara perubahan leksis yang dikenalpasti berlaku dalam kata pinjaman Cina termasuk perubahan (i) makna leksikal, (ii) golongan kata dan (iii) makna nahu setelah ia menerima atau bercantum dengan unsur bahasa Melayu. Untuk perubahan makna leksikal, ada kata pinjaman mengalami penyempitan makna dan ada juga maknanya diperluaskan. Didapati bahawa perubahan golongan kata dan makna nahu leksis Cina terjadi kerana menerima imbuhan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kata pinjaman Cina yang diserap masuk ke bahasa Melayu bukan sahaja memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu, malah perubahan leksis yang berlaku terhadapnya memantapkan lagi sistem komunikasi dalam bahasa Melayu sehingga menjadikannya sebagai *lingua franca* yang berdaya saing di Nusantara yang terdiri daripada berbilang etnik dan bangsa.

Kata Kunci: Kata Pinjaman Bahasa Cina, Perubahan Leksis, Makna, Bahasa Melayu.

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang pesat berkembang di wilayah Nusantara dan dunia. Disebabkan sifatnya yang fleksibel dan dinamik, maka bahasa Melayu mudah menerima pengaruh bahasa asing terutama dalam aspek leksis atau perbendaharaan kata. Catatan sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menerima pengaruh daripada bahasa Sanskrit, disusuli oleh bahasa Arab pada abad ke-11 dan akhir-akhir ini oleh bahasa Inggeris (Abdullah Hassan, 1974; S. Nathesan, 2008). Selain itu, ada juga bahasa lain yang telah bertembung dan memberikan kesan terhadap bahasa Melayu, antaranya ialah bahasa Cina, Tamil, Belanda, Portugis, Parsi, Jawa dan lain-lain.

Unsur-unsur bahasa asing yang diserap masuk ke bahasa Melayu melalui pertembungan antara penutur-penutur bahasa yang berkenaan boleh berlaku disebabkan oleh faktor-faktor struktur dan bukan struktur. Faktor struktur adalah berkaitan dengan ciri-ciri linguistik misalnya homonimi, kekerapan perkataan dan kehilangan kekuatan ekspresif dalam perkataan (Weinreich, 1968). Faktor bukan struktur pula melibatkan perkara di luar bidang linguistik dan mengambil kira keadaan sosiobudaya bahasa yang bertembung.

Sejarah komuniti bahasa menunjukkan bahawa pengambilalihan unsur bahasa seperti kosa kata, sistem bunyi daripada sesuatu bahasa lain ke dalam bahasa Melayu telah memantapkan lagi strukturnya serta menjadikannya terus berkembang. Hal ini dapat dijelaskan melalui sebilangan kata bahasa Cina seperti beca, cawan, loceng, sampan, teko, tong, kuih, angpau, cat, kucai, duit dan bahun yang dipinjam oleh bahasa Melayu pada suatu ketika dahulu. Peminjaman kata tersebut telah mengisi kekosongan perbendaharaan kata terhadap kebendaan tersebut dalam bahasa Melayu. Dengan kata lain, kata pinjaman itu membolehkan penutur bahasa Melayu mengungkapkan benda yang telah berada dalam komuniti tetapi belum ada perkataan yang boleh menamakannya. Sehingga kini, kata pinjaman itu masih digunakan dan dijadikan entri dalam kamus ekabahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa peminjaman lexis merupakan keperluan sosial kepada pengguna bahasa yang berlainan terutama apabila mereka menerima konsep atau idea baharu daripada komuniti bahasa yang berbeza, bahasa ini perlu ada kosa kata untuk menamakan perkara baharu ini. Oleh yang demikian, peminjaman bahasa antara dua (atau keatas) komuniti bahasa boleh mendatangkan pengukuhan kepada bahasa yang meminjam.

Apabila peminjaman bahasa berlaku maka perubahan bahasa juga berlaku. Perubahan bahasa merupakan suatu proses pengubahsuaian atau penggantian ciri-ciri sesuatu bahasa disebabkan pengaruh luar atau proses dalaman (Kamus Linguistik, 1997). Lazimnya, kata pinjaman yang diserap masuk ke dalam sesuatu bahasa akan berlakunya dua fenomena, yakni (1) perubahan bentuk atau struktur dari segi fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis agar berseragaman dengan sistem nahu bahasa sasaran; (2) kata pinjaman tersebut mengekalkan ciri-ciri sistem nahu seperti dalam bahasa sumber. Menurut Abdullah Hassan (1974), "apabila sesuatu perkataan itu dipinjam oleh bahasa Melayu, maka ianya akan dijadikan serupa dengan kata-kata lain dalam bahasa Melayu. Secara tegas, ianya adalah beransur menjadi sebati ke dalam bahasa Melayu." Justeru itu, kajian ini difokuskan kepada perubahan lexis dari aspek morfologi dan semantik yang berlaku terhadap kata pinjaman bahasa Cina setelah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu.

KAJIAN SEJARAH KEDATANGAN ORANG CINA KE TANAH MELAYU

Menurut Chia (2003) dan Keok (2000), sejak abad ke-15, pedagang dari China mula berlayar ke perantauan Melayu, terutama Selat Melaka untuk menjalankan perdagangan antarabangsa dengan pedagang yang berasal dari Arab, Belanda, Portugis, British, India pada zaman kegemilangan Melaka ini. Pada masa itu, bahasa Melayu merupakan *lingua franca* antara para pedagang yang berniaga di sini. Demi mencapai tujuan komunikasi, semua pedagang mempelajari bahasa Melayu daripada penduduk tempatan. Melalui proses pembelajaran, maka berlakunya pertembungan sosial yang akhirnya menghasilkan perkongsian budaya dan kewujudan peminjaman bahasa Cina, bahasa Arab, bahasa Belanda, bahasa Portugis, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan sebagainya dalam bahasa Melayu.

Pada abad ke-17, orang Eropah memulakan penjajahan di Asia Tenggara, termasuk Tanah Melayu. Untuk meneroka kekayaan sumber asli di selatan Asia Tenggara, penjajah Eropah bermula menyalurkan tenaga buruh dari negara China bagi memenuhi kekurangan tenaga buruh di sekitar Asia Tenggara (Abdullah Hassan, 1974; Chia, 2003; Keok, 2000). Ini telah memulakan penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu secara beramai-ramai.

Apabila menjelang pertengahan abad ke-19, penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu berlaku dengan rancaknya disebabkan perkembangan industri perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Kebanyakan orang Cina yang berasal dari selatan China misalnya wilayah Fujian (Hokkien) dan Kwangtung datang secara beramai-ramai untuk mencari rezeki kerana kawasan ini lebih berhampiran dengan perantauan Melayu

(Mashudi & Yeong, 1988; Chia, 2003; Keok, 2000). Antara mereka yang datang ke Tanah Melayu, ada yang membuat keputusan untuk bermastautin di negara ini dan kemudiannya telah menyesuaikan diri dengan budaya dan cara hidup penduduk setempat. Melalui pertembungan sosial, terutama pengaulan dan perhubungan yang berpanjangan antara kaum Cina dengan kaum Melayu, dialek-dialek dari daerah-daerah Cina yang berbeza ini telah mempengaruhi bahasa Melayu.

Sehingga kini, situasi pertembungan bahasa antara budaya Cina dan budaya Melayu masih berlaku. Menurut Abdullah Hassan (1974), "pengaruh dari bahasa Cina terhadap bahasa Melayu agak menyeluruh tetapi kesannya tidak sama kalau dibandingkan dengan kebudayaan yang telah lama bertapak di Malaysia. Sebahagian besar pinjaman ini ialah dalam bidang nama-nama tubuh badan manusia dan bidang makanan. Tidak hairan perkara ini boleh berlaku sebab ia adalah sebahagian daripada aktiviti penting dalam kehidupan seharian. Bahkan makanan Cina dapat dilihat mula meresap menjadi popular dalam kalangan orang Melayu. Sebahagian besar juga dipinjam dalam bidang kemahiran bagi menyatakan jenis pekerjaan dan keahlian dalam aktiviti ekonomi. Tabiat masyarakat Cina yang tekun dan berusaha itu dapat menjelaskan fenomena ini. Akhirnya kesukaan orang Cina dalam berjudi juga telah melimpahkan beberapa kata pinjaman dalam bidang ini."

KAJIAN KATA PINJAMAN BAHASA CINA DALAM BAHASA MELAYU

Mashudi & Yeong (1989) dan Kong (1993a,b) turut mengkaji jumlah bilangan dan pengelasan kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu. Berdasarkan Kong (1993a,b), terdapat 1046 kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, dan daripada ini sebanyak 91.2% (952 patah kata) adalah berasal daripada dialek Hokkien. Beliau berpendapat bahawa ini disebabkan orang yang berasal dari daerah Fujian yang merantau ke kepulauan Nusantara dan Semenanjung Tanah Melayu bukan sahaja lebih banyak jumlahnya jika dibandingkan dengan perantau Cina yang berasal daripada daerah lain, tetapi orang Fujian juga lebih kuat dalam bidang ekonomi dan kebudayaan khususnya sebelum pertengahan abad ke-20, maka tidak menghairankan bahawa dialek Hokkien lebih berpengaruh terhadap bahasa Cina.

Akan tetapi, Mashudi & Yeong (1989) mengatakan bahawa hanya 341 kata pinjaman bahasa Cina yang dikenalpasti terserap ke dalam bahasa Melayu. Menurut mereka, daripada jumlah tersebut hanya 90 perkataan sahaja yang masih aktif digunakan, manakala 251 kata pinjaman lagi telah lapuk atau tidak lagi digunakan. Jurang perbezaan yang besar di antara jumlah bilangan kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang disimpulkan oleh Kong (1993a,b) dan Mashudi & Yeong (1989) disebabkan Kong melihatnya dalam konteks bahasa Melayu di Indonesia, malah Mashudi & Yeong meninjaunya berdasarkan konteks bahasa Melayu di Malaysia.

Keok (2000) telah mencungkil komponen semantik yang terkandung dalam kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dengan penerapan kaedah analisis komponen. Selain itu, Zaharani (2004) memberi tumpuan kepada aspek fonologi yang direalisasikan oleh kata pinjaman bahasa Cina. Kesimpulan yang dibuat oleh beliau ialah terdapat sistem fonologi kata pinjaman bahasa Cina tidak bertepatan dengan sistem fonologi kata asli bahasa Melayu, iaitu didapati ada kata pinjaman bahasa Cina yang (1) bertentangan dengan harmoni vokal; (2) bertentangan dengan rangkap nasal homorgan; (3) tidak berlaku reduksi vokal dan (4) mengalami nasalisasi vokal. Beliau mengatakan bahawa perilaku fonologi kata pinjaman tersebut akan menyebabkan sistem fonologi bahasa Melayu menjadi rencam kerana kata pinjaman tersebut akan menjadi contoh lawan kepada rumus-rumus fonologi yang dihuraikan. Soo (2014) pula meninjau 294 butir kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dari segi morfologi. Beliau menyimpulkan bahawa pemajmukan merupakan proses morfologi

yang paling produktif dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina, diikuti ialah pengimbuhan dan penggandaan.

PENYATAAN MASALAH

Memandangkan kebanyakan kajian lepas lebih memberi tumpuan dan penjelasan dari segi perilaku fonologi, semantik dan morfologi secara berasingan. Sebagai menambah kosa ilmu kajian tentang kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, kajian ini dilakukan untuk meneliti perubahan lexis yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina supaya menentukan sejauh mana lexis tersebut dikembangkan fungsinya setelah diserap ke dalam bahasa Melayu.

DEFINISI KONSEP

Menurut S. Nathesan (2008), 'leksis' lazimnya digunakan untuk merujuk kepada perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau istilah teknikal. Oleh yang demikian, 'leksis' yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah istilah teknikal bagi perbendaharaan kata atau kosa kata.

Untuk tujuan kajian ini, kata pinjaman (*loan word*) merujuk kepada lexis bahasa sumber (iaitu bahasa Cina) yang telah mantap terserap ke dalam bahasa sasaran (iaitu bahasa Melayu). Pengkaji berpendapat, sesuatu kata pinjaman yang dikatakan mantap adalah lexis yang sudah disimpan sebagai entri dalam kamus ekabahasa dan akhirnya dianggap milik bahasa yang meminjam.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau perubahan lexis yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina yang diserap ke dalam bahasa Melayu supaya menentukan sejauh mana kata pinjaman tersebut dikembangkan melalui penyebaran leksikal. Persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

1. Apakah jenis perubahan lexis yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah kata pinjaman bahasa Cina dikembangkan fungsinya dalam bahasa Melayu melalui perubahan lexis yang dilakukan terhadapnya?

METODOLOGI

Kata pinjaman bahasa Cina yang ditinjau dalam kajian ini adalah daripada data sekunder iaitu daripada kamus. Kamus selalu dijadikan sumber sampel kerana entri kamus memang merangkumi pelbagai aspek dan bidang pengetahuan (Lado, 1957). Untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian, Kamus Dewan (2005) dijadikan sumber utama bagi mengumpulkan butir-butir kata pinjaman bahasa Cina dalam kajian ini. Menurut Asmah (1987), Kamus Dewan diiktiraf baku dan dianggap sempurna sebagai satu-satunya 'kamus kebangsaan' yang unggul dan berwibawa di negara ini. Kamus Dewan adalah kamus paling utama dan dijadikan landasan bagi rujukan makna perkataan Melayu serta penyusunan kamus-kamus lain yang ada dalam pasaran hari ini.

Dalam Kamus Dewan, entri yang dilabelkan C ialah lexis yang dipinjam daripada bahasa Cina. Dengan ini, sejumlah 157 entri yang dilabelkan C telah dikumpul untuk dijadikan sampel kajian ini. Akan tetapi, bukan semua kata pinjaman bahasa Cina yang

menjadi entri dalam kamus tersebut dilabelkan C disebabkan ada kalanya (1) kata tersebut difikirkan telah terserap dan mantap penggunaannya di Malaysia (Kamus Dewan, 2005); (2) penyusun kamus tidak menyedari bahawa kata-kata berkenaan adalah kata pinjaman daripada bahasa Cina (Zaharani, 2004). Dengan menyedari kekurangan ini, pengkaji juga merujuk kepada beberapa kajian lepas supaya dapat mengumpulkan sampel secara menyeluruh. Dengan ini, kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang disenaraikan dalam kertas kajian Kong (1993a,b), Mashudi & Yeong (1989), Hugh Brennan (1992) dan Choi & Chong (2008) telah pun dirujuk. Daripada kajian tersebut, sebanyak 137 butir kata pinjaman telah dikumpul untuk dijadikan sampel kajian dan semuanya memenuhi syarat persampelan, iaitu ia merupakan lexis yang telah dijadikan entri dalam Kamus Dewan (2005).

Bagi penganalisisan data, kajian ini menggunakan pendekatan semantik untuk meneliti lexis bahasa Cina yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu. Kata pinjaman tersebut dianalisis dari aspek semantik, iaitu untuk meneliti sama ada kata yang dipinjam itu mengalami perubahan makna leksikal dari segi peluasan makna, menyempitan makna atau mengekalkan makna seperti yang didukung oleh kata bahasa sumber dalam proses peminjaman kata. Untuk menganalisis makna leksikal bagi kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, semua kata pinjaman yang dikenalpasti sebagai data kajian diteliti maknanya secara perbandingan antara bahasa Cina dengan bahasa Melayu.

Selain itu, pendekatan morfologi digunakan dalam kajian ini berhasrat untuk mengkaji kata pinjaman bahasa Cina tersebut dari segi bentuk dan penggolongan kata. Untuk menganalisis bentuk kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Cina, pendekatan analisis bentuk kata dilakukan. Analisis bentuk kata ialah satu pendekatan yang bertujuan menghuraikan rupa unit tatabahasa perkataan, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pembentukan kata misalnya pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Bagi menentukan sama ada sesuatu kata pinjaman bahasa Cina mengalami proses pembentukan kata bahasa Melayu, Kamus Dewan (2005) dijadikan rujukan yang muktamad. Dengan melakukan analisis bentuk kata, kajian ini dapat meneliti perubahan makna nahu yang berlaku terhadap kata pinjaman yang mengalami proses pembentukan kata dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu. Sementara itu, analisis penggolongan kata dijalankan untuk meninjau sama ada kata yang dipinjam itu mengekalkan golongan kata seperti dalam bahasa sumber atau berubah golongan kata dalam proses peminjaman kata.

DAPATAN KAJIAN

PERUBAHAN MAKNA LEKSIKAL

Apabila diteliti perubahan makna leksikal kata pinjaman bahasa Cina, beberapa rumusan dapat dibuat. Pertamanya, ada sebilangan kata pinjaman selain mengekalkan makna asalnya seperti dalam bahasa Cina, turut memperoleh makna tambahan dalam bahasa Melayu. Keduanya, ada juga kata pinjaman itu mengalami penyempitan makna atau pengkhususan makna ketika diserap ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kata pinjaman yang mengalami perubahan makna secara menyeluruh berbanding dengan kata sumber.

PELUASAN MAKNA

Pertama, perhatikan kategori kata pinjaman yang mengalami peluasan makna dalam bahasa Melayu, di samping mengekalkan makna asal dalam bahasa Cina. Peluasan

makna bermaksud makna kata yang pada bentuk asalnya khusus berubah menjadi umum atau lebih luas setelah dipinjam, contohnya kata 'cat', 'cawan', 'pisau' dan 'sampan'. Perbincangan tentang peluasan makna bagi kata pinjaman tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Kata 'cat' dari dialek Hokkien Cina asalnya membawa makna 'sejenis cecair berwarna yang disapukan pada dinding, besi dan kayu untuk melindungi permukaannya dan mejadikannya kelihatan elok'. Dalam bahasa Melayu, 'cat' selain mendukung maknanya seperti dalam bahasa sumber, terdapat dua tambahan makna lagi, iaitu 'sejenis bahan yang dicampuri cecair untuk digunakan dalam lukis-melukis' dan 'bahan yang boleh disapukan atau digunakan pada mimik muka untuk tujuan kelihatan cantik'. Kedua-dua makna tambahan ini dapat dijelaskan melalui beberapa kata majmuk yang dihasilkan daripada proses merangkaikan kata 'cat' dengan kata dasar bahasa Melayu, misalnya 'cat batik' (bahan yang digunakan untuk mewarnai kain batik), 'cat minyak' (cat yang dicairkan dengan minyak untuk menghasilkan seni catan minyak), 'cat bibir' (gincu bibir) dan 'cat alis' (penghitam atau kening).
- (ii) Kata 'cawan' asalnya bermakna 'bekas yang berbentuk bulat kecil untuk minum teh' dalam bahasa sumber. Setelah dipinjam ke dalam bahasa Melayu, maknanya diperluas untuk merujuk kepada 'bekas bulat kecil yang biasanya bertangkai untuk minum teh, kopi dan minuman lain pula'. Makna tambahan ini dapat dijelaskan melalui kata majmuk yang dihasilkan daripada proses merangkaikan kata 'cawan' dengan kata dasar bahasa Melayu, misalnya 'cawan kopi' dan 'cawan pinggan' (perkakas-perkakas tembikar).
- (iii) Kata 'pisau' yang berasal daripada kata 'bǐshōu' yang dalam bahasa Cina digunakan untuk merujuk kepada 'sejenis senjata yang mempunyai hujung atau kepala yang pendek tetapi tajam, hujungnya diperbuat daripada besi dan digunakan untuk tikaman'. Namun, maknanya diperluas untuk mencakupi makna tambahan 'besi nipis yang tajam dan berhulu untuk memotong, menghiris dan sebagainya' dalam bahasa Melayu. Peluasan makna bagi kata 'pisau' dapat dijelaskan melalui sebilangan besar kata majmuk yang dihasilkan daripada proses merangkaikan kata 'pisau' dengan kata dasar dalam bahasa Melayu, misalnya 'pisau belati' (sejenis pisau kecil yang tajam yang digunakan oleh kelasi kapal), 'pisau calung' (sejenis pisau yang tajam untuk mencukur rambut), 'pisau dapur' (pisau yang digunakan di dapur), 'pisau getah' (sejenis pisau yang digunakan untuk menoreh getah), 'pisau makan' (sejenis pisau yang digunakan untuk memotong daging waktu makan atau dikenali sebagai pisau meja), 'pisau raut' (sejenis pisau kecil yang tajam untuk meraut rotan), 'pisau runcing' (sejenis pisau tajam yang matanya tirus ke hujung), 'pisau sadup' (sejenis pisau untuk menyadap mayang kelapa), 'pisau wali' (sejenis pisau kecil yang tajam untuk mengukir).
- (iv) Kata 'sampan' dalam bahasa Cina pada asalnya dirujuk kepada 'sejenis perahu kecil', namun makna dan penggunaannya diperluaskan dalam bahasa sasaran melalui proses merangkaikan kata 'sampan' dengan kata dasar bahasa Melayu untuk membentuk kata majmuk 'sampan kolek' (sejenis sampan yang tidak memakai layar), 'sampan kotak' (sampan yang mempunyai petak-petak), 'sampan ludang' (sampan yang bentuknya seperti seludang) dan 'sampan payang' (sejenis sampan yang ber sama perahu besar dipakai untuk meregangkan jaring).

Berdasarkan analisis makna bagi empat contoh kata di atas, didapati bahawa tahap peluasan makna untuk sesuatu kata yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu dapat diteliti melalui tahap proses pemajmukan yang berlaku terhadapnya. Umpamanya, kata 'pisau' dan 'sampan' banyak dirangkaikan dengan kata dasar dalam bahasa Melayu untuk membentuk sebilangan besar kata majmuk baharu yang mendukung makna yang lebih luas daripada kata sumber. Fenomena bahasa sebegini kadang kala menyebabkan penutur bahasa sasaran tidak perasan kata tersebut adalah kata pinjaman. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa semakin banyak kata dasar bahasa sasaran dirangkaikan terhadap kata pinjaman, semakin mantap kata pinjaman tersebut digunakan dalam bahasa sasaran kerana makna leksikalnya telah diperluaskan.

PENYEMPITAN MAKNA

Setelah meneliti kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami peluasan makna, perhatikan pula kata pinjaman yang mengalami penyempitan makna atau pengkhususan makna ketika diserap ke dalam bahasa Melayu.

Penyempitan makna merujuk kepada proses mengecilkan makna sesuatu perkataan sehingga dikurangkan komponen makna yang terdapat di dalamnya (S.Nathesan, 2008). Penyempitan makna di sini bermaksud makna bagi sesuatu kata pinjaman pada asalnya umum atau luas berubah menjadi makna yang sempit atau lebih khusus digunakan dalam bahasa sasaran.

Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami penyempitan makna apabila digunakan dalam bahasa Melayu adalah jenis kata yang menggambarkan budaya kebendaan Cina, misalnya panggilan, makanan dan pakaian. Contohnya kata 'amoi', 'apek', 'ceongsam', 'capcai', 'dim sum' dan 'kuntau'. Perbandingan makna di antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (menurut Kamus Dewan Edisi Keempat) adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Kata Pinjaman Bahasa Cina yang Mengalami Penyempitan Makna

| Kata Pinjaman | Makna Asal Dalam Bahasa Cina | Makna Dalam Bahasa Melayu |
|---------------|--|--|
| amoi | panggilan kepada gadis, anak perempuan | anak perempuan, gadis (biasanya digunakan sebagai panggilan kepada gadis Cina) |
| apek | panggilan kepada lelaki yang berusia tua | panggilan kepada lelaki (agak tua) berbangsa Cina |
| ceongsam | sejenis pakaian wanita seperti gaun tetapi bahagian kiri dan kanan sebelah bawahnya berbelah dan lehernya berkepek | sejenis pakaian wanita Cina berbelah di tepi dan berleher kepek |
| capcai | masakan campuran aneka sayuran dengan tambahan bakso, daging atau makanan laut. | sejenis makanan Cina (sayur dan lain-lain) |
| dim sum | hidangan ringan yang biasanya dihidang dalam bakul pengukus kecil atau pinggan kecil (seperti acar, pau, kuih, cecker, adunan tepung yang berintikan daging atau sayur yang dikukus atau digoreng) | sejenis makanan masyarakat Cina yang diperbuat daripada adunan tepung berisi inti daging, sayur dan sebagai yang dikukus |
| kuntau | sejenis pencak, seni mempertahankan diri | sejenis silat atau pencak cara Cina |

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1, didapati semua perkataan yang mengalami penyempitan makna ada tercakup komponen makna [+ Cina] di dalamnya. Ini menunjukkan bahawa walaupun kata tersebut diserap masuk ke dalam bahasa Melayu tetapi ia digunakan hanya merujuk kepada kebendaan yang dianggap milik atau kepunyaan budaya Cina. Umpamanya, kata 'apek' secara umumnya adalah panggilan kepada lelaki berusia tua dalam bahasa Cina, namun panggilan ini dikhususkan kepada lelaki berusia tua yang berbangsa Cina sahaja dalam bahasa sasarannya. Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa kata pinjaman itu belum diresap sepenuhnya ke dalam bahasa sasaran.

Namun demikian, bukan semua kata budaya kebendaan yang dipinjam dari bahasa Cina disempitkan maknanya dengan tercakup komponen makna [+ Cina] di dalamnya. Didapati kata pinjaman seperti 'popia', 'pau', 'tauhu', 'taucu', 'tauke', 'fucuk' dan 'toko' tidak mengalami pengkhususan makna yang hanya dirujuk kepada 'kebendaan kepunyaan Cina', sebaliknya ia dikekalkan makna yang umum seperti dalam bahasa sumber. Jika diperhatikan makna yang tercatat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, kata 'pau' diertikan sebagai 'sejenis kuih yang berintikan kacang merah (kaya dan lain-lain)', manakala kata 'tauke' pula diberikan makna 'tuan punya badan perniagaan (kedai dan lain-lain), peniaga, saudagar'. Demikian juga kata 'toko' dicatatkan makna 'kedai tempat dijual barang dagangan'. Seperti yang dinyatakan, kata pinjaman ini diserap sepenuhnya dan digunakan secara mantap oleh penutur bahasa sasaran, sehingga perkataan tersebut tidak perlu lagi mencakupi komponen makna 'kepuayaan Cina'.

PERUBAHAN MAKNA SECARA MENYELURUH

Perubahan makna secara menyeluruh bermaksud makna sesuatu perkataan berubah sama sekali dari makna asalnya, namun ada juga kemungkinan makna yang dimiliki sekarang masih ada perhubungan dengan makna asal, tetapi sangkut pautnya sudah jauh. Misalnya, kata 'banci' (bǎnji) dalam bahasa Cina dirujuk kepada 'sekeping kertas atau papan yang mencatatkan maklumat peribadi seseorang atau ahli keluarganya sejak zaman dahulu di negara Cina', tetapi maknanya setelah dipinjam ke bahasa Melayu berubah menjadi makna 'perhitungan untuk bilangan penduduk, lalu lintas dan lain-lain'.

Demikian juga kata 'kongsi' dalam bahasa Cina digunakan untuk merujuk kepada 'rumah perkumpulan pekerja Cina yang bekerja di lombong bijih timah pada masa dahulu', tetapi maknanya dalam bahasa Melayu berubah menjadi (i) 'persekutuan (pergabungan) yang mengandungi dua orang atau lebih yang bekerjasama (dalam sesuatu usaha dan sebagainya)' dan (ii) 'persekutuan pedagang-pedagang syarikat'.

Selain itu, kata 'beca' yang berasal dari dialek Hokkien bermakna 'pedati kuda', tetapi dalam bahasa Melayu telah mengalami perubahan makna sama sekali kerana maknanya dalam bahasa Melayu ialah 'sejenis kenderaan beroda tiga untuk seorang atau dua penumpang yang dikayuh oleh seseorang'. Perubahan makna seperti ini banyak berlaku dalam bahasa kerana perubahan zaman, perkembangan kehidupan sosial dan kemajuan sains dan teknologi.

PERUBAHAN GOLONGAN KATA

Penggolongan kata ialah proses mengelaskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan (atau) fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama (Nik Safiah et al., 2014). Menurut Abdullah Hassan (2007), terdapat tiga kriteria yang digunakan oleh sarjana linguistik untuk menentukan golongan perkataan, iaitu kriteria semantik, kriteria sintaksis dan kriteria morfologi. Perkataan yang mempunyai keserupaan ciri

makna, ciri sintaksis atau ciri morfologi akan dimasukkan ke dalam golongan kata yang sama. Sarjana tatabahasa bahasa Melayu menggunakan ketiga-tiga kriteria ini telah menyimpulkan bahawa golongan kata dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat jenis, iaitu (i) kata nama, (ii) kata kerja, (iii) kata adjektif dan (iv) kata tugas (Asmah Hj. Omar, 1968; Nik Safiah et al., 2014). Golongan kata dalam bahasa Melayu ini sebenarnya tidak banyak berbeza daripada golongan kata dalam bahasa Cina. Dalam kedua-dua bahasa ini, golongan kata bagi sesuatu perkataan jarang berubah jika dilihat dari kriteria semantik dan morfologi, akan tetapi boleh berubah jika dilihat dari kriteria sintaksis.

Apabila perkataan bahasa Cina dipinjam oleh bahasa Melayu, didapati adanya kata pinjaman berkenaan mengalami perubahan, terutamanya dari segi golongan kata. Perubahan golongan kata dalam kajian ini bermaksud kata pinjaman bahasa Cina yang terserap ke dalam bahasa Melayu tergolong dalam kategori kelas kata yang berlainan. Kata pinjaman bahasa Cina ini mengalami perubahan kelas kata misalnya daripada kata nama berubah menjadi kata kerja, ataupun daripada kata adjektif berubah menjadi kata nama apabila digunakan dalam bahasa Melayu.

Hasil kajian mendapati bahawa kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami perubahan golongan kata setelah dipinjam ke dalam bahasa Melayu kebanyakan daripadanya berlaku pada kriteria morfologi. Golongan kata bagi kesemua kata tersebut berubah melalui proses morfologi, iaitu setelah menerima atau diganding dengan imbuhan bahasa Melayu. Sebagai contoh, kata pinjaman Cina 'cat' dalam bentuk asalnya adalah kata nama. Apabila dipinjam ke dalam bahasa Melayu, perkataan 'cat' digandingkan imbuhan awalan 'beR-' atau 'meN-' membentuk kata terbitan 'bercat' atau 'mengecat' yang dimasukkan ke dalam golongan kata kerja dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan awalan 'beR-' dan 'meN-' adalah awalan kata kerja yang menerbitkan kata kerja dalam bahasa Melayu. Namun demikian, apabila kata pinjaman 'cat' digandingkan awalan 'peN-' atau apitan 'pe-...-an' membentuk kata terbitan 'pengecat' atau 'pengecatan', ia tidak mengalami perubahan golongan katanya dan masih tergolong ke dalam golongan kata nama dalam bahasa Melayu. Ini adalah kerana awalan 'peN-' dan apitan 'pe-...-an' menerbitkan kata nama.

Di samping lexis 'cat', hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebahagian kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang mengalami perubahan golongan kata selepas melalui proses morfologi, yakni pengimbuhan. Antara contoh kata pinjaman lain yang mengalami perubahan golongan kata dapat diperhatikan melalui Jadual 2.

Jadual 2 Kata Pinjaman Cina yang Mengalami Perubahan Golongan Kata dan Makna

| Kata Pinjaman Bahasa Cina | | | Kata Terbitan Bahasa Melayu | | |
|---------------------------|--|----|-----------------------------|---|----|
| Kata Pinjaman | Makna Asal | GK | Kata Terbitan | Makna Baharu | GK |
| kuli | buruh kasar | KN | berkuli | bekerja sebagai kuli | KK |
| | | | memperkuli | memperbuat sebagai kuli | KK |
| dacing | sejenis alat penimbang yang terdiri daripada batang yang berskala, batu penimbang, tempat meletak barang | KN | berdacing | 1. bertimbang; 2. menggunakan dacing; 3. mempunyai dacing | KK |
| | | | mendacing | menimbang dengan dacing | KK |
| duit | wang | KN | berduit | 1. mempunyai duit; 2. kaya | KK |
| kepang | jalanan rambut | KN | berkepang | beranyam | KK |

| | | | | | |
|--|---|----|------------|--|----|
| | | | mengepang | menganyam, menjalin (rambut, tali) | KK |
| lihai | pantai, pintar | KA | kelihaiian | Kepintaran, perihal lihai | KN |
| tocang | kepang rambut | KN | bertocang | mengepang rambut | KK |
| gincu | lipstik | KN | bergincu | memakai gincu | KK |
| | | | menggincu | mewarnai (bibir) dengan gincu | KK |
| sampan | perahu kecil | KN | bersampan | menaiki sampan | KK |
| cap | alat untuk menurunkan kesan tanda (tandatangan, nama dan lain-lain) dengan menekannya di atas kertas | KN | mengecap | membubuh atau menaruh cap, menjadikan bercap | KK |
| ciau | pengayuh panjang | KN | menciau | berkayuh (mengayuh) sambil berdiri (dengan menggunakan pengayuh panjang) | KK |
| lampan | tempat mendulang bijih timah | KN | melampun | mencari bijih (timah dan lain-lain) dengan mendulang di lampun | KK |
| lecun | penipu | KN | melecun | menjalankan tipu muslihat, mengecoh | KK |
| toko | kedai | KN | bertoko | berjual barang- barang di toko | KK |
| Petunjuk: GK - golongan kata; KN - kata nama; KK – kata kerja; KA – kata adjektif | | | | | |

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, didapati kebanyakan kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami perubahan golongan kata adalah berubah daripada kata nama menjadi kata kerja dalam bahasa sasarannya. Terdapat hanya satu kata pinjaman, iaitu 'lihai' yang berubah daripada golongan kata adjektif menjadi kata nama dengan menggandingkan apitan kata nama 'ke-...-an' ke atasnya untuk diterbitkan sebagai kata nama 'kelihaiian' dalam bahasa Melayu.

Namun demikian, contoh kata pinjaman bahasa Cina yang disenaraikan dalam Jadual 2 mengekalkan golongan katanya seperti di dalam bahasa sumber apabila kata tersebut digunakan sebagai kata tunggal dalam bahasa Melayu. Kata tunggal ialah kata pinjaman yang digunakan tidak menerima sebarang imbuhan dalam bahasa sasaran. Sementara itu, didapati bahawa sebanyak 77.89% daripada keseluruhan 294 kata pinjaman yang terus digunakan sebagai kata tunggal dalam bahasa Melayu mengekalkan golongan kata seperti yang terdapat dalam bahasa Cina (Soo, 2014). Secara jelasnya, perubahan golongan kata yang berlaku dalam kata pinjaman bahasa Cina adalah disebabkan penambahan imbuhan bahasa Melayu terhadapnya.

PERUBAHAN MAKNA NAHU

Perubahan makna nahu yang berlaku dalam kata pinjaman bahasa Cina adalah akibat daripada proses penyesuaian bahasa ketika meminjam ke dalam bahasa Melayu. Salah satu proses penyesuaian bahasa yang mengakibatkan perubahan makna nahu

ialah proses gramatikal. Proses gramatikal yang dibincangkan tertumpu kepada cara pembentukan kata dalam bahasa Melayu seperti pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Makna nahu pula merupakan makna yang terhasil melalui ketiga-tiga proses pembentukan kata ini.

Umpamanya, kata pinjaman 'kuli' (küli) yang bermakna 'buruh kasar' dalam bahasa sumber, setelah digandingkan imbuhan bahasa Melayu, misalnya awalan 'beR-', 'mempeR-' atau akhiran '-an', kata dasar 'kuli' menjadi kata kerja terbitan 'berkuli', 'memperkuli' dan kata nama terbitan 'kulian'. Di antaranya, 'berkuli' membawa makna 'bekerja sebagai kuli'; 'memperkuli' pula bermaksud 'memperbuat sebagai kuli; manakala 'kulian' ertinya 'wang atau upah kepada kuli'.

Dengan sedemikian, nyatalah bahawa proses pengimbuhan bahasa Melayu terhadap kata pinjaman bahasa Cina bukan sahaja mengubah penggolongan katanya, malah ia juga menyebabkan makna nahu seperti fungsi kata pinjaman tersebut mengalami perubahan dalam bahasa sasaran. Hal ini juga dapat dijelaskan melalui perbandingan makna asal dengan makna baharu selepas diterbitkan imbuhan bagi beberapa contoh kata pinjaman yang terpapar dalam Jadual 2.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa beberapa kata pinjaman bahasa Cina yang pada asalnya mendukung makna tunggal mengalami perubahan dengan membawa makna jamak setelah mengalami proses penggandaan dalam bahasa Melayu. Antaranya seperti kata pinjaman 'kuih', 'tong', 'sampan', 'cawan', 'soja', 'cincai' dan 'ngam'. Untuk mengungkapkan makna jamak, perkataan tersebut digandakan dengan mengikut rumus-rumus nahu bahasa Melayu. Umpamanya, kata 'kuih' (guö, juadah Hokkien) dalam bentuk asalnya membawa makna tunggal, setelah dipinjam ke dalam bahasa Melayu dan digandakan secara menyeluruh kata dasarnya menjadi 'kuih-kuih' (kuih yang berjenis-jenis) yang mendukung makna jamak. Hal ini terjadi disebabkan gandaan penuh kata tunggal 'kuih' berfungsi sebagai penanda 'jamak' yang menandakan 'jumlah yang besar'. Sementara itu, kata 'kuih' ini juga mengalami penggandaan berentak pengulangan vokal, iaitu vokal 'ih' dalam perkataan tersebut digandakan dan membentuk kata ganda nama 'kuih-muih' (bermacam-macam jenis kuih) yang mendukung makna jamak dalam bahasa sasaran. Hal ini terjadi kerana gandaan vokal 'ih' ini berfungsi sebagai penanda 'kepelbagaian jenis', ianya telah memperluaskan makna asal 'kuih' yang bersifat kata nama tunggal kepada kata nama jamak dalam bahasa Melayu.

Di samping itu, hasil kajian mendapati bahawa dua kata adjektif bahasa Cina, iaitu 'cincai' dan 'ngam' yang diserapkan oleh bahasa Melayu mengalami perubahan makna nahu melalui proses penggandaan. Dengan menggandakan kata tersebut secara penuh, kata dasar 'cincai' (bermaksud tidak teliti, agak-agak atau lebih kurang sajalah) menjadi kata adjektif gandaan 'cincai-cincai' (bermaksud tidak bersungguh-sungguh, sembarangan), sementara itu kata 'ngam' (bermaksud sesuai, sepadan, sehati atau cocok) pula menjadi kata adjektif gandaan 'ngam-ngam' (bermaksud cukup-cukup atau genap-genap). Didapati gandaan kata 'cincai' menghasilkan makna nahu baharu 'menunjukkan keadaan sifat yang menyeluruh' untuk perkataan tersebut, manakala gandaan kata 'cincai' pula berfungsi sebagai penanda yang membawa makna nahuan baharu 'memberi penegasan kepada sifat tersebut'.

Akhir sekali, perhatikan empat lagi kata pinjaman yang mengalami penggandaan separa kata berimbuhan yang memperluaskan makna tunggalnya dalam bahasa sumber kepada makna jamak dalam bahasa sasaran. Penggandaan separa kata berimbuhan merupakan kata pinjaman bahasa Cina digandingkan imbuhan bahasa Melayu untuk membentuk kata terbitan dan seterusnya kata dasar daripada kata terbitan tersebut digandakan untuk membentuk kata ganda yang bermaksud jamak. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (i) Kata 'cawan' (cháwǎn) ditambahkan awalan 'beR-' membentuk kata kerja terbitan 'bercawan' (mempunyai cawan), seterusnya kata 'bercawan' digandakan

sebahagiannya membentuk kata kerja gandaan 'bercawan-cawan' (seseorang itu telah mengambil beberapa banyak cawan).

- (ii) Kata 'sampan' (shānbǎn) ditambahkan awalan 'beR-' membentuk kata kerja terbitan 'bersampan' (menaiki sampan), seterusnya kata 'bersampan' digandakan sebahagiannya membentuk kata kerja gandaan 'bersampan-sampan' (bersuka ria dengan menaiki sampan).
- (iii) Kata 'soja' (zuòyī) ditambahkan awalan 'teR-' membentuk kata kerja terbitan 'tersoja' (membongkok untuk memberi hormat), seterusnya kata 'tersoja' digandakan sebahagiannya membentuk kata kerja gandaan 'tersoja-soja' (berkali-kali membongkok untuk menghormati).
- (iv) Kata 'tong' (tǒng) ditambahkan awalan 'beR-' membentuk kata kerja terbitan 'bertong' (mempunyai tong), seterusnya kata 'bertong' digandakan sebahagiannya membentuk kata gandaan 'bertong-tong' (beberapa banyak tong).

Berdasarkan empat contoh kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami penggandaan separa kata berimbuhan yang dinyatakan di atas, didapati jenis gandaan ini berfungsi sebagai penanda yang memberi makna 'menunjukkan beberapa banyak' atau 'menunjukkan beberapa kali'. Dengan melalui proses penggandaan ini, makna nahu bagi perkataan tersebut mengalami perubahan makna tunggal kepada makna jamak apabila digunakan oleh penutur bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini menghuraikan perubahan leksis yang berlaku dalam kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu. Antara perubahan leksis yang ditentukan termasuk perubahan (i) makna leksikal, (ii) golongan kata dan (iii) makna nahu. Untuk perubahan makna leksikal, ada kata pinjaman bahasa Cina mengalami penyempitan makna dan ada juga maknanya diperluaskan atau diubah secara menyeluruh. Sementara itu, didapati bahawa perubahan golongan kata dan makna nahu kata pinjaman bahasa Cina terjadi kerana kata tersebut mengalami proses pembentukan kata dalam bahasa sasaran, yakni digandingkan imbuhan atau dirangkaikan kata dasar bahasa Melayu. Melalui pengacukan morfem bahasa Melayu dengan kata pinjaman bahasa Cina, banyak kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk baharu telah diciptakan. Kata-kata baharu yang bersifat hibrid ini lazimnya mendukung makna yang lebih luas daripada makna asalnya dalam bahasa sumber. Oleh yang demikian, kata pinjaman Cina yang diserap masuk ke bahasa Melayu bukan sahaja memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu, malah perubahan leksis dari aspek semantik dan morfologi yang berlaku terhadapnya memantapkan lagi sistem komunikasi dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan proses perubahan leksis telah menjadikan leksis bahasa Cina tersebut sehati dalam bahasa Melayu sehingga penutur natif bahasa itu tidak menyedari bahawa leksis tersebut merupakan kata pinjaman dan menggunakannya sebagai kata tulen dalam bahasa Melayu. Di samping itu, kata pinjaman bahasa Cina yang diperluaskan makna dan fungsinya selepas dikenakan proses perubahan leksis juga membolehkan bahasa Melayu mengungkap berbagai-bagai perkara atau konsep baharu. Semua perubahan leksis yang berlaku terhadap kata pinjaman bahasa Cina sedikit sebanyak dapat memperkembangkan bahasa Melayu menjadi bahasa bagi pelbagai bidang ilmu atau *lingua franca* yang berdaya saing di Nusantara yang terdiri daripada berbilang etnik dan bangsa. Akhirnya, diharapkan lebih banyak kajian makna leksis bahasa Cina dalam bahasa Melayu akan dilakukan oleh pengkaji pada masa hadapan untuk memberikan sumbangan terhadap bidang pemaknaan dan etimologi bahasa Melayu.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (1974). Pertembungan bahasa dan kesannya terhadap bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5, 216-236.

Asmah Haji Omar. (1968). Word classes in Malay. *Anthropological Linguistics*, 10, 12-22.

Asmah Haji Omar. (1987). *Perkamusan Melayu: Satu penilaian*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.

Chia, C.E. (2003). *Kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Cina di Malaysia*. Tesis, Universiti Malaya.

Choi, K.Y. & Chong, S.L. (2008). Campur aduk bahasa Melayu dan bahasa Cina. *Jurnal Bahasa Moden*, 18, 55-66.

Hugh Brennan. (1992). Peminjaman leksikal dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 6, 552-565.

Kamus dewan edisi keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keok, C.L. (2000). *Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: Satu kajian semantik*. Tesis, Universiti Malaya.

Kong, Y.Z. (1993a). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu (bahagian pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 8, 676-702.

Kong, Y.Z. (1993b). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu (bahagian kedua). *Jurnal Dewan Bahasa*, 9, 772-795.

Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. Ann Arbor: University of Chicago Press.

Mashudi Kader. & Yeong, A.L. (1989). Pengaruh bahasa Cina dalam perbendaharaan kata bahasa Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa*, 4, 236-267.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa. & Abdul Hamid Mahmood. (2014). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nathesan, S. (2008). *Makna dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Soo, Y.P. (2014). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: Satu kajian morfologi. *TeSSHl 2014 e-proceedings* (pp. 981-999). Kedah: Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah.

Weinreich, U. (1968). *Languages in contact : Findings and problems*. The Hague Mouton.

Zaharani Ahmad. (2004). *Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: Suatu huraian fonologi*. Seminar persahabatan China-Malaysia selama 30 tahun.